



PERPUSTAM

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM MELAKA

KENYATAAN TAWARAN

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat/Kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah tempohnya dalam kod bidang **Bahan Bacaan (010102)** serta mempunyai pengalaman dan berkelayakan bagi menyertai tawaran berikut:-

| NO. TAWARAN | JENIS KERJA DAN LOKASI | TARIKH DAN MASA DOKUMEN MULA DIJUAL | HARGA DOKUMEN |
|--------------------|---|--|--------------------------------|
| TPB 1/2021 | Membekal dan Menghantar Buku kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka (PERPUSTAM) | 27 Oktober 2021 (Rabu) Waktu Jualan: Isnin - Jumaat 9.00 pagi - 12 tengahari 3.00 petang - 4.30 petang | RM100.00 Tidak dikembalikan |

2. Dokumen tawaran boleh dibeli oleh Syarikat/Kontraktor di **Bahagian Khidmat Pengurusan, Aras 3, Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka, 242-1 Jalan Bukit Baru, 75150 Melaka** dengan mengamalkan penjarakan sosial dan pemakaian mengikut SOP yang dikeluarkan kerajaan sepanjang tempoh **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)**. Bayaran pembelian dokumen tawaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Kiriman Wang atau Deraf Bank** atas nama **Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka**.
3. Dokumen tawaran yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta bertulis **TPB 1/2021 : Membekal dan Menghantar Buku kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka (PERPUSTAM)** dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender di Aras 3, Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka, 242-1, Jalan Bukit Baru, 75150 Melaka** sebelum atau pada tarikh tutup **10 November 2021 (Rabu) jam 12.00 tengahari**. Tawaran yang lewat diterima akan ditolak dan rayuan tidak akan dipertimbangkan.
4. Kenyataan ini juga terdapat dalam Laman Web Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka (PERPUSTAM) iaitu <http://www.perpustam.gov.my>